

16 DEC 2001

Mahathir-Misuari

MISUARI DIHANTAR KE NEGARA KETIGA JIKA FILIPINA ENGGAN TERIMA

PUTRAJAYA, 16 Dis (Bernama) -- Bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari yang ditahan di Sabah bulan lepas kerana memasuki negara ini secara haram, akan dihantar ke negara ketiga jika kerajaan Filipina enggan menerimanya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jika mereka tak bawanya pulang, kita tidak ada hak menahannya kerana dia tidak melanggar undang-undang Malaysia atau melakukan perbuatan salah di sini," kata Perdana Menteri kepada pemberita di rumah terbuka Hari Raya beliau di Seri Perdana di sini.

Dr Mahathir berkata satu-satunya "jenayah" yang dilakukan oleh Misuari ialah memasuki negara ini tanpa dokumen perjalanan yang sah dan sebab itu dia tidak boleh tinggal di Malaysia.

Pada 24 Nov lepas, Misuari ditahan bersama enam yang lain di Pulau Jampiras, Sabah, kerana memasuki negara ini secara haram dari Jolo, di selatan Filipina, setelah didakwa mengetuai pemberontakan bersenjata terhadap Manila dan mengisytiharkan perang terhadap kerajaan Filipina.

Sejak awal-awal lagi, kerajaan Malaysia berkata ia sedia menghantarnya pulang tetapi belum mendapat persetujuan Filipina.

Mengikut undang-undang imigresen Malaysia, Misuari boleh ditahan sehingga 30 hari, dan tarikh akhirnya ialah 24 Dis ini.

Minggu lepas, Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo berkata beliau akan menghantar wakilnya, Norberto Gonzalez, untuk membincangkan perkara itu dengan kerajaan Malaysia.

"Saya belum menemuinya. Saya akan jumpa jika dia mahu menemui saya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata buat masa ini, Malaysia tidak bercadang mengambil sebarang tindakan terhadap Misuari tetapi menurutnya, beliau perlu menemui Gonzalez dahulu untuk mengetahui hasrat kerajaan Filipina.

Mengenai pita rakaman yang dikeluarkan oleh kerajaan Amerika Syarikat mengenai apa yang didakwa "pengakuan" Osama bin Laden mendalangi serangan terhadap Amerika pada 11 Sept lepas, Dr Mahathir berkata beliau belum melihat pita itu.

"Saya belum melihat, jadi saya tak boleh membuat ulasan...mungkin ia betul, mungkin tidak betul...terpulang kepada mereka yang hendak mendakwanya untuk mempercayainya atau tidak," katanya.

-- BERNAMA

SR DC MAI